

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA 2004
DAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT KEBANGSAAN
KUALA TERENGGANU,TERENGGANU
10 MEI 2004

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALUMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

YB DATUK SERI CHAN KONG CHOY
MENTERI PENGANGKUTAN

YB DATUK DR CHUA SOI LEK
MENTERI KESIHATAN

YAB DATUK IDRIS JUSOH
MENTERI BESAR TERENGGANU

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. SAYA BERSYUKUR KEHADIRAN ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA SAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT KEBANGSAAN. KEMPEN INI ADALAH SEMPENA SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA 2004 YANG BERTEMAKAN "ROAD SAFETY IS NO ACCIDENT". SAYA BERTERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA TELAH MENYUSUN ATUR KEMPEN UNTUK MENINGKATKAN TARAF KESELAMATAN JALAN RAYA KITA. KEHADIRAN PARA JEMPUTAN DARI PELBAGAI AGENSI SELAIN DARIPADA SEKTOR PENGANGKUTAN MENANDAKAN KOMITMEN MENYELURUH DARI PELBAGAI PIHAK, TEPAT DENGAN TEMA HARI PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (W.H.O.) PERINGKAT KEBANGSAAN IAITU 'KESELAMATAN JALAN RAYA KOMITMEN KITA BERSAMA'.

2. KESELAMATAN JALAN RAYA SEMEMANGNYA SATU ISU YANG MEMERLUKAN SOKONGAN SELURUH MASYARAKAT, KERANA IA MERUPAKAN MASALAH YANG MELIBATKAN KESIHATAN RAKYAT SEJAGAT. RAWATAN BAGI KECEDEeraan KEMALANGAN JALAN RAYA MENYALURKAN SUMBER KESIHATAN KITA YANG SUDAH TERHAD, DARI PENCEGAHAN DAN PERAWATAN BAGI MASALAH-MASALAH KESIHATAN YANG LAIN. KECEDEeraan AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA MENGISI 48% DARIPADA KATIL-KATIL DI WAD PEMBEDAHAN HOSPITAL DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, MENGIKUT KAJIAN W.H.O. DAN BANK SEDUNIA TAHUN 2004. KAJIAN PERSATUAN PERUBATAN MALAYSIA (M.M.A.) PULA MENDAPATI BAHAWA KECEDEeraan AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA MERUPAKAN PUNCA KEDUA KEMASUKAN TRAUMA KE HOSPITAL TEMPATAN. MASALAH KESELAMATAN JALAN

RAYA KITA SEMAKIN SERIUS DAN AKAN MENINGKAT JIKA TIDAK DITANGANI DENGAN BERKESAN.

3. KEMALANGAN JALAN RAYA JUGA MEMAKAN SUMBER EKONOMI KITA. KAJIAN SAMA OLEH W.H.O. DAN BANK SEDUNIA MENGANGGARKAN KOS KEMALANGAN JALAN SEBAGAI 1.5% KELUARAN DALAM NEGARA BERSIH BAGI NEGARA PENDAPATAN TENGAH. MENGIKUT ANGGARAN INI, KOS MERAWAT KECEDEeraan JALAN RAYA DI MALAYSIA MUNGKIN SETINGGI RM 3 BILION PADA TAHUN 2003. INI TIDAK TERMASUK KOS SOSIAL YANG TENTUNYA LEBIH TINGGI DAN SUKAR DIANGGARKAN.

4. SEPERTIMANA SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, SAYA SANGAT MENGAMBIL BERAT TENTANG ISU KESELAMATAN JALAN RAYA DAN KEPENTINGAN MENGURANGKAN INSIDEN KEMALANGAN JALAN RAYA. INI BUKAN SAHAJA KERANA KOSNYA YANG TINGGI, TETAPI KERANA SAYA AMAT SEDIH MENDENGAR BERITA KECEDEeraan DAN KEHILANGAN NYAWA. SAYA PERNAH MENEGASKAN TIGA PERKARA DALAM MENANGANI MASALAH KESELAMATAN JALAN:

- PERTAMA, MASYARAKAT UMUM HARUS SEDAR BAHAWA KEMALANGAN JALAN RAYA SESUNGGUHNYA BOLEH DIELAKKAN;
- KEDUA, KITA HARUS MENGAJI DENGAN TERPERINCI FAKTOR RISIKO DAN BAGAIMANA KEMALANGAN BERLAKU AGAR IANYA DAPAT DIELAKKAN;
- KETIGA, KITA HARUS TERUS MENINGKATKAN USAHA MENDIDIK DAN MENYEDARKAN SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT, KERANA KEFAHAMAN LEBIH MENDALAM MENGENAI PUNCA-PUNCA KEJADIAN KEMALANGAN DAPAT MEMBANTU KITA MENGURANGKAN RISIKO BERLAKUNYA KEMALANGAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

5. KEADAAN KESELAMATAN JALAN RAYA KITA SEMAKIN MEMBIMBANGKAN. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA DARI TAHUN 1990 KE 2000, BILANGAN KEMALANGAN BAGI SETIAP 10,000 KENDERAAN MENINGKAT DARI 194 KE 210. BILANGAN KEMATIAN BAGI SETIAP 10,000 KENDERAAN PULA TELAH MENINGKAT DARI 4.7 KE 4.9 ANTARA 1990 KE 2002. OLEH ITU, USAHA DAN PROGRAM UNTUK MENGURANGKAN KEJADIAN KEMALANGAN JALAN RAYA PERLU DIPERTINGKAT DAN DIPERBAIKI LAGI. KITA TIDAK HARUS TUNGGU SEHINGGA MUSIM PERAYAAN UNTUK MENJALANKAN PROGRAM. USAHA MENDIDIK MASYARAKAT UMUM MENGENAI CARA MENINGKATKAN KESELAMATAN JALAN HENDAKLAH DIJALANKAN SECARA BERTERUSAN.

6. FOKUS PROGRAM INI HARUSLAH DIPERLUASKAN DARI HANYA MENGELAKKAN BERLAKUNYA INSIDEN KEMALANGAN SAHAJA UNTUK MERANGKUMI JUGA CARA-CARA MENGURANGKAN KECEDEeraan KETIKA BERLAKUNYA KEMALANGAN JALAN RAYA. CONTOHNYA, PEMAKAIAN TALI DAN TOPI KELEDAR, TERUTAMANYA TOPI KELEDAR KHAS UNTUK KANAK-KANAK, HARUS DIKUATKUASAKAN KERANA IA DAPAT MENGURANGKAN TAHAP KECEDEeraan. PROGRAM INI JUGA HENDAKLAH MERANGKUMI CARA-CARA MENYELAMTAKAN NYAWA SELEPAS BERLAKUNYA KEMALANGAN. SAYA DIMAKLUMKAN LEBIH DARIPADA 50% KEHILANGAN NYAWA

AKIBAT KEMALANGAN BERLAKU KETIKA PERJALANAN MANGSA KE HOSPITAL. ANTARA LAIN, MASYARAKAT HARUS DIDIDIK TENTANG KEPENTINGAN MEMBERI LALUAN KEPADA AMBULANS DAN KENDERAAN KECEMASAN LAIN DI JALAN RAYA. KEMAHIRAN MEMBERI RAWATAN KECEMASAN ATAU FIRST-AID JUGA ELOK DIPELAJARI.

7. USAHA PENDIDIKAN DAN PENYEDARAN PERLU DITUJUKAN KEPADA SELURUH MASYARAKAT MELALUI USAHA PELBAGAI PIHAK. JUSTERU ITU, SELAIN INISIATIF KERAJAAN, SAYA GEMBIRA MENDENGAR BAHAWA PIHAK SWASTA JUGA SEMAKIN MEMAINKAN PERANAN DI DALAM MENANGANI ISU KESELAMATAN JALAN RAYA. SAYA DIMAKLUMKAN SATU AKADEMI Pemanduan – “AUTOMOTIVE CENTRE OF EXCELLENCE (A.C.E.)” – YANG TELAH SAYA LANCARKAN DI NEGERI SELANGOR TIDAK LAMA DAHULU AKAN TURUT DIBANGUNKAN DI NEGERI TERENGGANU INI. PELABURAN SEKITAR 100 JUTA RINGGIT INI SUDAH TENTU DAPAT MENINGKATKAN KECEKAPAN PARA PEMANDU DI NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR JUGA.

8. SELAIN ITU, UNTUK MENANAM PEMAHAMAN YANG BETUL-BETUL MENDALAM, KITA HENDAKLAH BERMULA DENGAN KANAK-KANAK KITA. OLEH ITU, PELANCARAN CD-ROM INTERAKTIF UNTUK KANAK-KANAK OLEH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN ADALAH DIALU-ALUKAN. SAYA DIFAHAMKAN SETIAP SEKOLAH RENDAH AKAN MENERIMA CD-ROM INI, YANG MENEKANKAN KEFAHAMAN DAN KESEDARAN PELAJAR TERHADAP CARA MENJAGA KESELAMATAN DI JALAN RAYA. SAYA BERHARAP RANCANGAN UNTUK MENGGUNAKAN CD-ROM INI TELAH DIRANGKA BAIK DAN AKAN DISAMBUT BAIK OLEH PIHAK GURU. KESELAMATAN KANAK-KANAK SEMEMANGNYA AMAT PENTING DAN ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA.

9. PERANCANGAN RAPI OLEH PIHAK BERKUASA YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI PEMBANGUNAN JALAN DAN TANAH JUGA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENGELAKKAN INSIDEN KEMALANGAN DI JALAN RAYA. PENYELIDIKAN MENGENAI FAKTOR YANG MENGAKIBATKAN INSIDEN KEMALANGAN HARUS DIPERBANYAKKAN, DAN SAYA MEMINTA HASIL KAJIAN SEBEGINI DIGUNAKAN KETIKA MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN. MISALNYA, PENINGKATAN TARAF JALAN DI KAWASAN PERKAMPUNGAN MESTI MENGAMBIL KIRA PEMBINAAN CIRI-CIRI KESELAMATAN SEPERTI SPEED BUMPS DAN RUMBLE STRIPS YANG TELAH TERBUKTI MENGURANGKAN KEMALANGAN DAN KADAR KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA DI KAWASAN PEDALAMAN NEGARA LAIN. USAHA PENYELIDIKAN INI HARUSLAH DISOKONG DENGAN PUNGUTAN MAKLUMAT DAN DATA OLEH PIHAK-PIHAK YANG SESUAI.

10. PERANGKAAN UNDANG-UNDANG PULA HARUS DISUSUN RAPI DAN PENGUATKUASAANNYA DIPERTINGKATKAN LAGI. KEDUA-DUANYA INI BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBANTU MENGELAKKAN KEMALANGAN, TETAPI JUGA DAPAT MENGURANGKAN TAHAP KECEDEeraan DAN TAHAP KEHILANGAN NYAWA. SATU USAHA KERAJAAN IALAH UNTUK MEMPERKETATKAN UNDANG-UNDANG DAN KAWALAN TERHADAP MAJIKAN, PENGUSAHA DAN PEMANDU KENDERAAN AWAM, SUPAYA MEREKA AKAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN DENGAN KESELAMATAN KENDERAAN DAN PEMANDUAN KENDERAAN MEREKA. WALAUPUN BILANGAN KEMALANGAN YANG MELIBATKAN BAS EKSPRES DAN LORI PENGANGKUTAN ADALAH

KECIL BERBANDING INSIDEN MELIBATKAN MOTOSIKAL, NAMUN BILANGAN NYAWA YANG TERBABIT DALAM KEMALANGAN BAS ATAU LORI ADALAH TINGGI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

11. KITA SEMESTINYA BERUSAHA DENGAN GIGIH DAN BERSEPADU UNTUK MENANGANI MASALAH KESELAMATAN JALAN RAYA KITA, KERANA HAL INI SEMEMANGNYA HARUS DITANGANI OLEH PELBAGAI PIHAK. JIKA LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN TIDAK DIAMBIL, INSIDEN KEMALANGAN JALAN RAYA AKAN MENGGANTIKAN PENYAKIT DAN GEJALA LAIN SEBAGAI PERKARA UTAMA DALAM AGENDA KESIHATAN RAKYAT. W.H.O. DAN BANK SEDUNIA TELAH PUN MERAMALKAN KEMALANGAN JALAN MENJADI GEJALA KETIGA PALING PENTING DALAM AGENDA KESIHATAN DUNIA MENJELANG TAHUN 2020. SASARAN MALAYSIA UNTUK MENGURANGKAN KADAR KEMATIAN KEPADA 3 BAGI SETIAP 10,000 KENDERAAN MENJELANG TAHUN 2010, IAITU PENGURANGAN SEBANYAK 35% DALAM MASA 10 TAHUN, ADALAH SATU USAHA PENTING YANG PERLU MENDAPAT SOKONGAN DAN DOKONGAN PELBAGAI PIHAK DI DALAM NEGARA.

12. SEMPENA TAHUN MENINGKATKAN KESELAMATAN JALAN RAYA, SAYA MENYERU PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN UNTUK MEMPERBANYAKKAN LAGI USAHA MENDIDIK DAN MENYEDARKAN MASYARAKAT, TERMASUK PIHAK PENGUATKUASA, PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN DAN PIHAK MAJIKAN, SUPAYA PEKA AKAN KEMAMPUAN DAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING DALAM USAHA MENINGKATKAN KESELAMATAN DI JALAN RAYA. SEMOGA USAHA-USAHA INI AKAN BERJAYA MENGURANGKAN INSIDEN KECELAKAAN JALAN RAYA YANG TIDAK SEPATUTNYA BERLAKU. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA 2004 DAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT KEBANGSAAN.

SEKIAN, TERIMA KASIH.